



Perspektif

SIRI SYARAHAN UMUM

KANGAR 15 Oktober - Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik dengan kerjasama Unit Pembangunan Lestari telah menganjurkan satu syarahan akademik antarabangsa kategori 'Visiting Profesor Research Talk'. Syarahan yang telah diadakan di Dewan Keikhlasan ini disampaikan oleh dua panel penasihat akademik bagi PPK Mekatronik iaitu Profesor Dr. Junzow Watada dari Waseda University, Jepun dengan tajuk syarahan 'Recent Trends in Human Tracking Methods' dan Profesor Dr. Gerard Seet Gim Lee dari Nanyang Technological University, Singapore dengan tajuk syarahan 'Research Activities in the Robotics Center'. Syarahan ini diadakan sempena lawatan kedua-dua

panel berkenaan sebagai Penasihat Akademik bagi PPK Mekatronik bermula 13 hingga 17 Oktober 2009.

Dalam sesi syarahan berkenaan, kedua-dua panel tersebut banyak berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka dalam aktiviti penyelidikan, kaedah penyelidikan dan keperluan keutamaan bidang penyelidikan terutamanya dalam disiplin kejuruteraan mekatronik dan robotik. Syarahan ini telah berjaya menarik minat 100 penyertaan dari kalangan penyelidik dan staf akademik.

SUMBER : UNIT PEMBANGUNAN LESTARI

KANGAR 12 November - Institut Kejuruteraan Nanoelektronik (INEE) dengan kerjasama Unit Pembangunan Lestari telah menganjurkan satu Syarahan Penyelidikan yang dinamakan Syarahan Penyelidikan Nanoteknologi 2009 oleh Profesor Kunjungan iaitu Prof. Dr. Shamin Ahmad. Beliau adalah mantan Naib Canselor Jamia Hamdard University, India. Syarahan ini telah diadakan di Dewan Keikhlasan, Kangar.

Syarahan ini bertujuan memberi pendedahan yang lebih mendalam kepada para pensyarah dan penyelidik tentang perkembangan penyelidikan nanoteknologi khususnya dalam bidang kejuruteraan nanoelektronik dan nanoteknologi.

Di samping itu syarahan ini memberi maklumat kepada penyelidik tentang peluang dalam bidang penyelidikan kejuruteraan nanoteknologi dan perkembangan terkini sektor ini di Malaysia. Prof. Dr. Shamin mempunyai pengalaman yang sangat luas dalam bidang nanoteknologi di peringkat antarabangsa. Syarahan yang bertajuk 'Bio Society - An Outcome of NBIC' ini telah berjaya menarik lebih 60 peserta yang terdiri daripada para penyelidik dan staf akademik di UniMAP.

SUMBER : UNIT PEMBANGUNAN LESTARI

KANGAR 22 Disember - Unit Penyelidikan dan Pembangunan telah menganjurkan syarahan penyelidikan bertajuk "YOUNG PROFESSORS : ROAD TO SUCCESS", bertempat di Dewan Keikhlasan, Bangunan KWSP, Kangar. Syarahan disampaikan oleh Prof. Dr. Mohd. Adzir Mahdi, Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti, Putra Malaysia. Seminar tersebut adalah bertujuan untuk memberi satu pengalaman baru kepada para penyelidik khususnya ke arah persediaan dan peningkatan kerjaya sebagai seorang Profesor yang berjaya. Dengan adanya seminar tersebut, sedikit sebanyak memberi

satu panduan dan jalan yang terbaik kepada staf akademik dan juga sebagai satu bimbingan dan pendedahan bagaimana untuk menjadi seorang penyelidik yang berjaya dan seterusnya mencapai cita-cita yang terbaik sebagai seorang professor. Hasil daripada seminar tersebut, diharapkan ianya sedikit sebanyak memberi idea dan pengalaman baru kepada penyelidik UniMAP untuk meningkatkan mutu penyelidikan ke arah yang lebih baik dan setanding dengan Universiti yang lain di Malaysia dan luar Negara.

SUMBER : UNIT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN